

Dr Musa dilantik Naib Canselor USIM keempat

Seremban: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, dilantik sebagai Naib Canselor keempat, berkuat kuasa hari ini.

Musa, 52, menggantikan Prof Datuk Dr Asma Ismail, yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, pada 31 Mei lalu.

Berasal dari Muar, Johor, beliau bersyukur kerana Kementerian Pendidikan memberi kepercayaan kepadanya untuk menerajui USIM.

"USIM walaupun universiti yang baharu, saya yakin hasil

kerjasama erat oleh semua pihak mampu membantu meneruskan agenda universiti ini, iaitu mengintegrasikan ilmu naqli (wahyu) dan ilmu aqli (akal) ke arah global.

Majukan pengajian Islam

"Selain itu, tumpuan akan diberikan untuk memajukan pengajian Islam, termasuk seni, pengajian al-Quran dan sunnah serta perubatan pada peringkat antarabangsa," katanya di sini, semalam.

Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Manchester dalam bidang Sensor Kimia Gentian Optik, Dr Musa berazam untuk menunaikan tanggungjawab yang

diamanahkan kepadanya untuk membawa USIM pada peringkat lebih tinggi.

Sebelum menyertai USIM, Dr Musa bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), memegang beberapa jawatan seperti Penyelaras Program Matrikulasi, Ketua Program Kimia dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi.

Ketika berkhidmat di UKM, beliau terbabit secara langsung dalam pembangunan kepakaran penyelidikan sensor kimia dan biosensor antara 1995 hingga 2005 untuk menentukan kepedasan cili serta pembinaan biosensor kimia berasaskan teknik sol gel.



Dr Musa Ahmad

Hasil penyelidikan itu, beliau menerima pelbagai pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk pingat emas di International Invention Geneva dan Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UKM pada tahun 2005 serta International Invention, Industrial Design & Technology Exhibition, pada tahun 2007 dan 2008.